

Guru sebagai agen transformasi dalam inovasi kurikulum



MINDA PENDIDIK

Roslee Talip

Bersama Mohd Yusof Abdullah,
Baharom Mohamad, Abdul Said
Ambotang, Shukri Zain dan Muhamad
Suhaimi Taat

UB 25.04.2012 B4

GURU memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan sesuatu inovasi kurikulum.

Tanpa penglibatan guru secara aktif, matlamat kurikulum yang dirancang sukar untuk dicapai. Secara umumnya, penglibatan guru dalam proses pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah adalah berbeza-beza di samping pelbagai cabaran serta rintangan dalam melaksanakannya secara berkesan. Antara halangan tersebut adalah sikap sesetengah guru yang sememangnya suka berkonfrontasi dengan pihak sekolah walaupun kemudahan yang diperlukan telah dipenuhi oleh pihak pentadbiran sekolah berkenaan.

Dalam masa yang sama, pelaksanaan inovasi juga menghadapi halangan berikutan wujudnya perasaan bimbang, konflik, rasa tidak tenteram dan kesukaran guru untuk menukar amalan sedia ada kepada amalan yang baru. Bahkan masih juga terdapat halangan daripada segi psikologi seperti ketidakpercayaan dalam penggunaan alat-alat yang canggih termasuk alatan elektronik dan juga teknologi komputer dan telekomunikasi. Kewujudan dan kebimbangan terhadap perubahan kurikulum yang melibatkan penggunaan teknologi yang diistilahkan sebagai technophobia.

Aspek komitmen guru untuk

melaksanakan sesuatu inovasi di bilik darjah juga mempengaruhi sejauhmana penglibatan guru secara total sebagai agen transformasi kurikulum. Aspek komitmen ini akan mempengaruhi persepsi guru terhadap pelaksanaan inovasi itu sendiri. Seterusnya, persepsi tersebut akan mempengaruhi pula sikap dan tingkah laku guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Walaupun terdapat permasalahan dalam pelaksanaan inovasi, sebagai sebuah negara yang sedang menuju era maju dan mempunyai wawasan ke arah mencapai tahap pendidikan bertaraf dunia, Malaysia terus memperkenalkan beberapa inovasi kurikulum sekolah bagi mencapai matlamat tersebut. Antaranya seperti pelaksanaan Sekolah Bestari, Smart Lab, Projek Sekolah Net dan sebagainya. Namun begitu, banyak rintangan perlu dilalui dari segi pelaksanaannya terutama untuk mendapatkan sokongan dan komitmen guru. Guru-guru mungkin sedikit sebanyak merasa kurang selesa dengan perubahan kurikulum dan inovasi yang diperkenalkan terutamanya yang melibatkan pengajaran dan ini akan mengubah peranan mereka dalam kelas.

Dalam merealisasikan transformasi inovasi kurikulum di sekolah terdapat pelbagai cabaran yang terpaksa dihadapi bagi membolehkan pelaksanaannya dilaksanakan secara berkesan. Latar belakang demografi guru yang berbeza, lokasi sekolah, keupayaan dan kemampuan guru dari segi motivasi, sikap,

pengetahuan dan kemahiran bakal menentukan tahap kesediaan guru dalam melaksanakan inovasi itu sendiri.

Motivasi guru merupakan pembolehubah yang menjadi isu penting dalam pelaksanaan inovasi di sekolah. Kajian-kajian sebelum ini banyak merumuskan bahawa hasil kerja, kompetensi guru dan cara guru bertindakbalas terhadap amalan pendidikan mereka akan lebih berkesan jika tahap motivasi mereka adalah tinggi. Guru bermotivasi dalam konteks ini merujuk kepada pendidik yang mempunyai keupayaan tinggi dalam menyempurnakan tugas secara berkesan, berdaya saing, kreatif, positif dan menumpukan perhatian terhadap pencapaian matlamat pendidikan. Selain itu, guru bermotivasi tinggi akan sentiasa memiliki dorongan intrinsik dan ekstrinsik yang membolehkan mereka dapat menghasilkan idea bernas serta sentiasa membantu organisasi sekolah tanpa mengira batas waktu.

Persoalannya, adakah guru-guru mempunyai tahap motivasi yang mampu melonjakkan transformasi dan seterusnya memperkasakan kurikulum secara total. Pandangan umum memperlihatkan kebanyakan guru berasa kurang selesa terhadap pengenalan sesuatu inovasi di sekolah kerana bimbang bahawa perubahan tersebut akan mengganggu keselesaan dan menjejaskan tugas serta peranan mereka sama ada secara langsung atau tidak langsung khususnya yang berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran.

Hal ini berlaku kerana

pertambahan tugas guru ekoran pengenalan sesuatu inovasi akan membangkitkan tekanan emosi dalam kalangan sesetengah guru. Gangguan emosi dan tahap tekanan yang tinggi dipengaruhi oleh ketidakupayaan mereka untuk berdaya tindak ke atas inovasi tersebut. Sekiranya tekanan berlaku secara berterusan maka motivasi kerja guru akan terjejas dan berkemungkinan hubungan guru dengan murid dan sesama guru akan menjadi renggang. Akhirnya ini mungkin akan menjejaskan tahap perkembangan diri guru itu sendiri dan keberkesanan guru dalam melaksanakan tugas seharian di sekolah.

Dalam masa yang sama juga didapati bahawa guru yang rendah tahap motivasinya cenderung untuk menentang sesuatu inovasi disebabkan perasaan rendah diri dan rasa tersisih di sekolah. Keadaan ini antara lainnya juga berpunca daripada sikap pihak pentadbir sekolah sendiri yang ada kalanya seringkali mengabaikan mereka dan kurang meminta pandangan guru berkaitan dengan pelaksanaan sesuatu inovasi.

Isu kedua yang mencorakkan transformasi inovasi kurikulum di sekolah melibatkan sikap guru. Secara umumnya isu ini dapat diulas berdasarkan beberapa faktor yang menghalang penglibatan guru secara aktif dalam proses transformasi kurikulum. Antaranya adalah faktor inersia iaitu guru sudah berasa selesa dan berpuashati dengan apa yang sedang dialami, justeru itu mereka tidak ingin berubah. Seterusnya rasa terancam

dengan setiap kali perubahan berlaku, individu guru berasa kurang selamat berikutan timbulnya ketidakpercayaan untuk melakukan sesuatu perubahan yang baru. Akhir sekali adalah faktor masa dan kemudahan. Segelintir guru sering berselindung di sebalik rungutan bahawa mereka tidak cukup masa dan tiada kemudahan bagi menjustifikasikan alasan demi mengelakkan diri dari terlibat dalam pelaksanaan sesuatu inovasi.

Isu berikutnya adalah menjurus kepada aspek pengetahuan dan kemahiran profesional yang penting dalam memastikan keberkesanan transformasi kurikulum. Ini disebabkan penguasaan guru dalam aspek tersebut dapat memandu mereka untuk melaksanakan tugas dengan berkesan dari semasa ke semasa. Dalam konteks ini, kesungguhan untuk bertindak secara proaktif berasaskan pengetahuan dan kemahiran serta keupayaan untuk memanifestasikan pengetahuan dan kemahiran dalam bentuk tingkahlaku adalah perkara pokok yang wajar dititikberatkan oleh golongan pendidik ke arah menzahirkan inovasi kurikulum.

Isu keempat adalah berkaitan dengan aspek tumpuan guru. Isu ini memberi pengertian bahawa seseorang guru mempunyai tahap tumpuan yang berbeza-beza dalam menerima dan melaksanakan transformasi serta inovasi kurikulum. Dalam konteks ini guru perlu bijaksana dalam memberikan keutamaan antara tumpuan bersifat peribadi, tumpuan terhadap tugasnya atau tumpuan terhadap apakah

implikasi pengajaran atau inovasi yang telah dilakukan terhadap pelajar mereka.

Kesediaan guru untuk melaksanakan sesuatu inovasi adalah persoalan penting yang perlu dipertimbangkan oleh pihak perancangan pendidikan supaya wujudnya keharmonian antara pihak pelaksana inovasi (guru) dengan perancang inovasi itu sendiri. Pelaksanaan inovasi akan tersekat jika pihak berkuasa pendidikan menganggap inovasi pendidikan sebagai satu kemestiaan, sedangkan guru melihatnya pada sudut pandangan yang sebaliknya. Proses inovasi kurikulum juga harus dapat mengubah dan seterusnya membawa anjakan paradigma baru iaitu berubah daripada kecenderungan dalam proses pelaksanaannya daripada penekanan kepada aspek teknikal seperti penyediaan alatan dan latihan kepada aspek yang berkaitan dengan perkembangan tingkahlaku guru, norma, sikap dan perubahan budaya sekolah.

Sekolah harus bersedia berubah mengikut zaman. Trend perubahan kurikulum di Malaysia cukup pesat pada dekad-dekad mutakhir ini dan dijangka akan berterusan selari dengan perubahan kehendak pendidikan perdana dan global. Oleh yang demikian, warga pendidik tidak kira kedudukan dan di mana juga berada harus mengambil peluang ke arah memperkasakan kurikulum di peringkat sekolah dan sekaligus mampu menjadikan sistem pendidikan kita duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi di pentas pendidikan dunia.